

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 [ SELASA ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah kriteria penilaian kesan kesihatan (*Health Impact Assessment*) mesti dipatuhi sebelum meluluskan pembinaan menara telekomunikasi dan bekalan elektrik yang bervoltan tinggi bagi mengelakkan kesan berbahaya di kawasan-kawasan kediaman berdekatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, proses bagi mendapatkan kelulusan menara telekomunikasi melibatkan aspek-aspek teknikal iaitu *Traffic Impact Assessment (TIA)*, *Environment Impact Assessment (EIA)* dan *Social Impact Assessment (SIA)*. Kriteria penilaian kesan kesihatan (*Health Impact Assessment - HIA*) tidak termasuk dalam proses kelulusan tersebut.

2. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan input oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Tenaga Nasional Berhad (TNB) perlu mendapatkan kelulusan EIA daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi pembinaan menara bekalan elektrik bervoltan tinggi di lokasi-lokasi yang sensitif terhadap alam sekitar. Seterusnya, pihak TNB juga perlu melaksanakan *Environmental Management Plan (EMP)* semasa proses pembinaan dilaksanakan.

3. Oleh itu, bagi mematuhi sebahagian daripada syarat-syarat EIA, pihak TNB perlu melaksanakan pengukuran terhadap kesan *Electro Magnetic Field (EMF)* yang berkaitan dengan HIA, berdasarkan garis panduan *World Health Organization (WHO)*.

Sekian, terima kasih.